

KL LUBUK WANG PENGEMIS ARAB

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Kawasan tumpuan ramai di sekitar Bukit Bintang, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Dataran Merdeka, Masjid Jamek dan Jalan Masjid India di sini, menjadi 'lubuk wang mudah' kepada pengemis Arab untuk meraih simpati orang ramai.

Dengan 'bermodalkan' anak-anak kecil yang didakwa sedang menderita sakit selain mengalami kecacatan, pengemis warga Yemen dan Syria akan duduk di tepi-tepi lorong menadah tangan supaya dikasihani.

Tanpa rasa takut, mereka menjaja surat-surat rayuan keronnya sebagai bukti anak mereka sedang sakit dan duit tersebut didakwa bagi

Heret anak-anak kecil raih simpati orang ramai, mampu dapat hingga RM300 sehari

menampung kos perubatan serta kehidupan di ibu kota.

Hasil tinjauan *Kosmo!* selama tiga hari di lokasi-lokasi tersebut pada waktu puncak mendapat, secara puratanya seorang pengemis akan didatangi hampir 100 pemberi sedekah yang kebanyakannya terdiri daripada pelancong asing dan rakyat tempatan dalam tempoh tiga jam.

Kebanyakan pemberi sedekah dilihat menghulurkan sekeping wang kertas bernilai RM1 selain memberi duit syiling, namun ada segelintirnya sanggup bersedekah sehingga RM20.

Ini bermakna, pengemis warga asing terbabit mampu meraih sehingga RM300 sepanjang tempoh tersebut.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2




	Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kuala Lumpur	6:10	7:16	1:23	4:28	7:25	8:34	Johor Bahru	6:01	7:09	1:15	4:16	7:17	8:25	Kuala Terengganu	6:03	7:11	1:17	4:24	7:19	8:28
Shah Alam	6:10	7:15	1:23	4:28	7:25	8:34	Ipooh	6:12	7:17	1:26	4:32	7:28	8:37	Kota Bharu	6:07	7:15	1:21	4:29	7:23	8:28
Seremban	6:08	7:14	1:21	4:24	7:23	8:32	Pulau Pinang	6:14	7:21	1:28	4:36	7:30	8:39	Kuantan	6:04	7:12	1:18	4:21	7:20	8:29
Melaka	6:07	7:15	1:21	4:23	7:23	8:32	Alor Setar	6:14	7:20	1:28	4:37	7:30	8:39	Kangar	6:14	7:22	1:28	4:37	7:31	8:40

22 MAC 2023, KOSMO!, PG 2

KL lubuk wang pengemis Arab

WARGA Rohingya turut mengemis bersama anaknya di hadapan Kompleks Sogo, Kuala Lumpur baru-baru ini.



PENGEMIS warga Yemen meraih simpati ramai dengan membawa seorang kanak-kanak di sekitar Bukit Bintang baru-baru ini.

DARI MUKA 1

Mereka hanya mengambil masa kurang dari empat jam untuk mendapatkan kutipan wang sebelum meninggalkan tempat tersebut bersama kanak-kanak yang dipercayai anak mereka.

Seorang pengemis lelaki warga Yemen, 30-an ketika ditemui Kosmo! bersama seorang kanak-kanak di kaki lima di Bukit Bintang berkata, dia sudah lama menetap di negara ini.

Kata pengemis itu, isterinya sudah meninggal dunia dan kini dia tinggal berdua bersama anak perempuannya berusia lapan tahun di Masjid India sebagai tempat berteduh.

"Kami cuma minta sedekah, tak lebih daripada itu," ujarnya.

Seorang lagi lelaki warga Yemen berusia 30 tahun ditemui turut membawa seorang kanak-kanak dalam keadaan cacat yang diletakkan di atas lantai untuk mengemis.

"Saya tinggal berhampiran Jalan Petaling, ini adalah anak saya berusia 10 bulan, saya berada di sini sejak tahun 2013 lagi," katanya.

Bagaimanapun, Kosmo! gagal meneruskan perbualan kerana kedua-dua lelaki tersebut tidak



PENGEMIS Yemen menunjukkan surat anaknya sakit kononnya daripada pihak berkuasa negaranya kepada Kosmo! ketika ditemui di Bukit Bintang.

FOTO: MOHD HAFIZUSSALAH / KOSMO!

boleh bertutur dalam bahasa Melayu, mahupun Inggeris dan hanya bertutur bahasa Arab.

Sementara itu, seorang peniaga tempatan yang dikenali sebagai Wawa, 33, berkata, sepanjang lapan tahun bermiaga di sekitar Masjid Jamek, jumlah pengemis warga asing

kanak yang sakit dan cacat semakin tidak terkawal.

Katanya, pengemis warga Syria dan Yemen sering mengenakan pakaian serba hitam dan berpurdah bagi wanita, manakala lelaki berpakaian selekeh.

Berdasarkan pemerhatiannya, dianggarkan 30 warga asing

termasuk Pakistan dan Rohingya meminta sedekah dengan menggunakan kanak-kanak sebagai modal meraih simpati ramai.

"Bukan kita nak dendki atau iri hati, mereka ini untung besar, pendapatan lagi banyak daripada kita sehingga ratusan ringgit.

"Warga asing setahu saya tidak dibenarkan mengemis, tetapi kali ini serius sangat sebab sudah mula nampak menukar-nukar kanak-kanak dan bayi untuk meraih simpati," katanya.

Wawa berkata, pengemis terbabit pernah memarahinya kerana merakamkan tindakan mereka sedang menuarkan wang kertas RM1 hasil daripada kegiatan mengemis di sebuah kedai serbaneka kepada wang kertas RM50.

"Saya tengok untung mereka cecah RM200 sehari dan mungkin juga jumlahnya lebih daripada itu," ujarnya.

Seorang lagi peniaga yang ingin dikenali sebagai Salmah, 45, berkata, keberadaan seorang pengemis lelaki warga Syria bersama seorang budak di Jalan Masjid India di sini, sudah berlarutan lebih setahun.

Katanya, ada juga warga asing terutamanya Arab dan Rohingya telah mula meminta sedekah

dengan menggunakan kanak-kanak sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi.

"Pengemis itu warga Syria, jadi kita nak berborak dengan dia agak sukar sebab tak boleh cakap bahasa Melayu, dia selalu datang dengan budak itu sahaja, tak nampak isterinya pun."

"Budak yang dia bawa tu memang cacat di bahagian kaki, tetapi tidak pasti itu anak dia atau tidak," ujarnya.

Menurutnya, pengemis terbaik sukar ditangkap kerana sentiasa bergerak dan mereka tahu kalau duduk setempat akan ditanah pihak berkuasa.

Salmah turut menceritakan pengalaman buruknya berdepan dengan pengemis Arab yang didakwa pernah mencakar muka rakannya di depan matanya.

"Kalau selalu minta sedekah, memang kita tidak akan beri duit lagi. Ada sekali itu, kawan saya sampai dia cakar muka sehingga berdarah sebab tak beri duit. Seminggu selepas itu, dia datang balik minta sedekah."

"Kadangkala kita jadi takut kalau tak beri duit kepada mereka. Kami harap pihak berkuasa segera ambil tindakan sebelum mereka terus bermaharajalela di negara ini," ujarnya.